

Evolusi Fonologi Bahasa Melayu Brunei

Nurul Aqilah Binti Awang Haji Juney

Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Brunei Darussalam

*Corresponding Author e-mail: juneyaqilah@gmail.com

Received: January 2024; Revised: February 2024; Published: March 2024

Abstract

Kajian ini adalah sebuah kajian terhadap perkembangan bahasa Melayu Brunei, khususnya dalam bidang fonologi. Ia adalah salah satu bahasa yang dituturkan di Negara Brunei Darussalam. Menurut Simanjuntak (1988), bahasa Melayu yang dituturkan di Negara Brunei Darussalam ada dua, iaitu bahasa Melayu Standard Brunei dan bahasa Melayu Dialek Brunei. Kajian-kajian sebelumnya mendapati bahawa vokal dalam bahasa Melayu Brunei terdiri daripada bunyi /a, i/ u/ (Asmah, 1985 dan Fatimah Awang Chuchu, 1987). Kemudian, terdapat berlainan sistem mengenai konsonannya. Sehubungan dengan itu, kajian bertujuan untuk menganalisis evolusi fonologi dalam bahasa Melayu Brunei. Tambahan lagi, kajian-kajian terdahulu juga kurang menyentuh mengenai rangkap vokal, diftong, pengguguran, dan penyisipan. Sehubungan dengan itu, kajian akan memanfaatkan data-data berbentuk dokumentasi. Selain itu, signifikannya kajian ini kerana ia merupakan salah satu bukti tertulis terhadap perkembangan bahasa Melayu Brunei sejajar dengan pencapaian, kemajuan dan pemodenan negara. Hasil kajian didapati bahawa bahasa Melayu Brunei telah berkembang menjadi bahasa Melayu sistem enam vokal dengan penambahan vokal /e, ə, o/. Manakala, ada 19 konsonan kesemuanya dengan penambahan konsonan /q, z/. Rangkap vokal pula ada enam kesemuanya, iaitu /ai, au, ia, iu, ua, ui/. Seterusnya, ada tiga diftong; tiga ialah /ai, au/ dan satu penambahan, /oi/. Kemudian, pengguguran yang konsisten ditemui ialah pengguguran konsonan /h/ di awal kata dalam data Perambahan Brunei. Terakhir, ada dua jenis penyisipan, iaitu penyisipan /w/ dan penyisipan /j/.

Keywords: Bahasa Melayu Brunei; Fonologi; Vokal; Konsonan; Rangkap vokal; Diftong

The Evolution of Brunei Malay's Phonology

Abstract

This is a research on Brunei Malay language specifically in the field of phonology. Brunei Malay is one of the languages spoken in Brunei Darussalam. Simanjuntak (1988) stated that there are two Malay languages used in Brunei Darussalam; Brunei Malay Standard and Brunei Malay Dialect. Previous researches found that the vocals in Brunei Malay are /a, i, u/ (Asmah, 1985 and Fatimah Awang Chuchu, 1987). Then, there are different systems on its consonants. Therefore, this study is to analyze the phonological evolution of Brunei Malay. Additionally, researches made before also touch less about vocal clusters, diphthongs, deletion, and addition. Therefore, this study will benefit from documentations as data. The significant of this study is that it is one of the written prove of the evolution on Brunei Malay alongside with the achievements, developments and modernization of the country. The study found that Brunei's Malay has evolved into a Malay language of six vocal system with addition of vocals /e, ə, o/. Moreover, there are 19 consonants altogether with addition of consonants /q, z/. There are six vocal clusters, namely /ai, au, ia, iu, ua, ui/. Next, there are three diphthongs; three of are /ai, au/ and one addition is /oi/. Then, one consistent deletion found which is deletion of consonant /h/ placed in front of the word in Perambahan Brunei's data. Lastly, there are two types of addition, which are addition of /w/ and addition of /j/.

Keywords: Brunei's Malay; Phonology; Vocal; Consonant; Vocal clusters; Diphthong

How to Cite: Juney, A. (2024). Evolusi Fonologi Bahasa Melayu Brunei. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 2(1), 22-56. <https://doi.org/10.36312/ijlic.v2i1.1799>



<https://doi.org/10.36312/ijlic.v2i1.1799>

Copyright© 2024, Juney

This is an open-access article under the [CC-BY-SA](https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/) License.



PENGENALAN

Negara Brunei Darussalam ialah sebuah negara yang terletak di utara-barat pantai Kepulauan Borneo. Negara monarki ini telah mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984 (Mataim Bakar, 2006:1) dan kini diperintah oleh seorang sultan; Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang kecil dengan keluasan 5,765 km persegi (Brunei-Muara District, 2010:24). Negara zikir ini memiliki empat buah daerah kesemuanya iaitu Daerah Brunei-Muara (571 km persegi), Daerah Belait (2,724 km persegi), Daerah Temburong (1,304 km persegi), dan Daerah Tutong (1,166 km persegi) (Mataim Bakar, 2006), dan dengan populasi seramai 445,400 orang pada tahun 2022 (Ministry of Finance and Economy Brunei Darussalam, 2022). Seterusnya, penduduk negara ini terdiri daripada pelbagai bangsa seperti bangsa Melayu, Cina dan lain-lain (Ministry of Finance and Economy Brunei, 2022). Sebagai tambahan, Negara Brunei Darussalam memiliki tujuh puak yang diiktiraf berdasarkan kandungan yang terdapat di dalam perlembagaan 1959, iaitu terdiri daripada puak Melayu Brunei, Bisaya, Belait, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong (Syamsul Fikri, 2011:1, Hurul 'Ain, 2012:1 dan Mohd. Yusof Damit, 2006/2007). Manakala, agama yang dianuti penduduk negara ini pula ialah agama Islam, Kristian, Buddha dan lain-lain. Kemudian, penduduknya juga menuturkan beberapa bahasa. Menurut Mohd. Yusof Damit (2006/2007) bahawa terdapat lebih daripada 10 bahasa yang digunakan di Negara Brunei Darussalam, iaitu bahasa Brunei, Kedayan, Tutong, Belait, Murut, Bisaya, Dusun, Iban, Lemeting dan Miriek. Namun, bahasa yang dominan dituturkan oleh penduduknya ialah bahasa Melayu Brunei kerana rumpun Melayu Brunei merupakan golongan majoriti (Mataim Bakar, 2006:27).

Perlembagaan 1959 turut mengandungi bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Simanjuntak (1988) berpendapat bahawa negara Brunei Darussalam menuturkan dua jenis bahasa Melayu, iaitu bahasa Melayu Standard Brunei dan bahasa Melayu Dialek Brunei. Manakala, Clynes, A. dan Deterding, D. (2021) juga ada menyentuh mengenai kewujudan bahasa Melayu Standard dan bahasa Melayu Dialek Brunei. Namun, kedua-dua jenis bahasa Melayu ini mempunyai peranan yang berbeza. Bahasa Melayu Standard lebih cenderung digunakan dalam situasi formal seperti pendidikan, pentadbiran atau penyampaian maklumat berbentuk rasmi contohnya berita. Manakala, bahasa Melayu Brunei digunakan dalam bentuk komunikasi harian atau pergaulan. Misalnya, bersama rakan-rakan, di pasar, di rumah dan sebagainya. Selain daripada dipakai oleh penutur asli dari puaknya sendiri, bahasa Melayu Brunei juga turut dituturkan oleh kumpulan etnik lain dan penduduk yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Sehubungan dengan itu, fokus kajian ialah pada bahasa Melayu Brunei.

Bahasa Melayu Brunei juga dikenali sebagai bahasa Melayu Dialek Brunei dan bahasa Brunei. Menurut Pengiran Mohamed Pengiran Damit (1988:3), bahasa Melayu Dialek Brunei terbahagi kepada tiga subdialek. Masing-masing subdialek berkenaan ialah subdialek Bandar Seri Begawan, subdialek Kedayan, dan subdialek Kampung Air. Selain itu, penggunaan bahasa Melayu Brunei adalah melangkaui sempadan geografi. Moody (1984) mengatakan bahawa bahasa ini turut dituturkan di Labuan, Papar, Kuala Penyu, Sipitang, Menumbuk, Limbang, Lawas dan Miri. Seterusnya, bahasa ini juga mempunyai cirinya tersendiri yang membezakannya dengan bahasa

Melayu yang lain. Ia boleh berubah dan berkembang mengikut penggunaannya baik dari segi individu mahupun kawasan ia dituturkan dengan arus perkembangan dunia, manusia, teknologi dan sebagainya.

Bahasa itu bersifat dinamik. Maka, perkembangan dalam sesebuah bahasa adalah sesuatu yang dijangkakan. Hal ini kerana, bahasa yang merupakan objek budaya amat terpengaruh oleh perkembangan penuturnya (R. L Trask, 1996 dalam Fathiha Asyikin Baharin et. al. (2021)). Selain itu, Asmah (1991) dalam Fathiha Asyikin Baharin et.al. (2021) juga turut menyatakan bahawa bahasa akan sentiasa berubah berdasarkan perbezaan dalam penggunaannya oleh masing-masing individu. Perbezaan kecil tersebut menjadi luas dan akhirnya akan membentuk ciri baru. Dengan ini, bahasa Melayu adalah tidak terkecuali. Sebagai bukti, perkembangan boleh dilihat pada contoh yang diajukan oleh R. L Trask (1996) dalam Fathiha Asyikin Baharin et.el. (2021) iaitu bahasa Melayu bermula dari bahasa Melayu Kuno, kemudian bahasa Melayu Klasik dan kini bahasa Melayu Moden. Oleh itu, bahasa Melayu Brunei juga sedang mengalami perkembangan tersebut. Evolusi bahasa, terutama dari bentuk fonologi terhadap bahasa Melayu Brunei adalah sangat ketara. Namun, bahasa Melayu Brunei itu sendiri kurang mendapat sambutan jika dilihat dari lensa penyelidikan bahasa. Perkembangan dan perubahan terhadap fonologi bahasa Melayu Brunei seolah-olah sepintas lalu di mata para pengkaji bahasa, khususnya pengkaji-pengkaji tempatan.

Oleh yang demikian, permasalahan kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis perkembangan fonologi bahasa Melayu Brunei. Sebagai permulaan, pengkaji-pengkaji dan ahli-ahli bahasa terdahulu telah menguatarkan hasil dapatan kajian masing-masing. Pada tahun 1974, satu penulisan peringkat sarjana muda oleh Mahadi Metarsad mendapati bahawa bahasa Melayu Brunei mempunyai enam vokal iaitu /a, e, ə, i, o, u/ dan 17 konsonan iaitu /p, b, t, d, k, g, č, ĵ, s, h, m, n, ŋ, ɲ, l, r, w/. Selain daripada dua berkenaan, beliau tidak ada menyentuh mengenai rangkap vokal, diftong dan proses fonologi seperti pengguguran dan penyisipan.

Kemudian, Prentice dan Hakim (1978) pula menyatakan bahawa bahasa Melayu yang ini mempunyai tiga bunyi vokal sahaja iaitu /a, i, u/. Pendapat ini bertepatan dengan dua ahli bahasa yang lain iaitu Collins (1984) dan Asmah (1985). Collins (1984) menyatakan bahawa dalam bahasa Melayu Brunei /i/ kekal dan tidak berubah menjadi /e/ manakala /u/ kekal dan tidak menjadi /o/. Selain itu, beliau juga mengatakan bahawa tidak ada /ə/ dalam bahasa Melayu ini. Kemudian, Asmah (1985) juga turut mengajukan pendapat beliau tentang konsonan. Menurutnya, ada 19 konsonan dalam bahasa Melayu Brunei iaitu /p, b, t, d, k, g, q, m, n, ŋ, ɲ, s, h, c, j, l, r, w, y/. Walau bagaimanapun, analisis beliau tidak menemui /q/ (Asmah, 1985). Selain itu, Asmah (1985) juga ada menyentuh mengenai diftong dan menurut beliau diftong dalam bahasa Melayu Brunei ialah /ay/ dan /aw/. Namun, ini dicanggah oleh Mataim Bakar (2006) dengan pernyataan bahawa diftong dalam bahasa Melayu Brunei ialah terdiri daripada /ai, au, ui/.

Terakhir ialah Fatimah Awang Chuchu (1987). Menurut beliau, vokal dalam bahasa Melayu Brunei hanya ada tiga iaitu /a, i, u/ dan konsonan ada 19. Masing-masing ialah /p, b, t, d, k, g, ʔ, s, h, č, ĵ, r, l, m, n, ŋ, ɲ, w, y/. Kemudian, ada tiga diftong iaitu /ai, au, oi/ (Fatimah Awang Chuchu, 1987). Tambahan lagi, kajian beliau juga

ada menyentuh tentang pengguguran, penggantian, penambahan, palatalisasi dan labialisasi.

Selain daripada permasalahan ini, kajian juga didorong dengan hipotesis yang dikemukakan oleh Asmah (1985) iaitu keberkemungkinan bahawa bahasa Melayu Brunei akan menjadi bahasa sistem enam vokal kerana vokal /ə, e, o/ sudah mula menyerap.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk merungkai permasalahan yang timbul dan sekaligus menyumbangkan beberapa kepentingan pada khazanah bidang ilmu, bidang penyelidikan, bidang bahasa khususnya, dan malahan pada usaha mempertahankan bahasa Melayu Brunei. Sekali lagi, menurut Mataim Bakar (2006) bahawa bahasa Melayu Brunei amat jarang diterokai. Maka, kajian ini mungkin menjadi salah satu suntikan mustahak yang diperlukan oleh para pengkaji bahasa untuk membuat penyelidikan mengenainya. Kesedaran seumpamanya perlu lebih banyak dibuat terutama pada generasi baru kerana mereka merupakan penerus. Sehubungan dengan itu juga, kajian ini berkepentingan dalam usaha untuk mempertahankan dan memelihara bahasa Melayu Brunei itu sendiri. Dunia kini berada dalam arus pembangunan yang sangat pesat. Kemajuan dan pemodenan individu, masyarakat dan negara boleh dilihat setiap saat. Walaupun ia merupakan satu kejayaan yang membanggakan, namun setiap orang bertanggungjawab untuk menjaga dan mengekalkan kebangsaan, kebudayaan dan kebahasaan masing-masing. Ia juga memperlihatkan keperibadian seseorang. Dengan itu, kajian ini juga adalah mustahak sebagai satu bukti tertulis tentang perubahan dan perkembangan bahasa Melayu Brunei. Pada masa akan datang, mungkin akan berlaku lebih banyak perubahan dan perkembangan. Oleh itu, adalah sangat penting untuk mendokumentasikan proses dan perjalanan evolusinya. Pada masa itu nanti, generasi seterusnya boleh menelaah perubahan dan perkembangan bahasa Melayu Brunei dari dahulu, sekarang dan zaman mereka.

Maka, bagi merungkai dan menjelaskan evolusi fonologi bahasa Melayu Brunei tersebut, kajian ini berobjektif untuk mengenal pasti dan menganalisis perkembangan bahasa Melayu Brunei dari segi vokal dan konsonan, diftong, dan rangkap vokal. Sebagai tambahan lagi, kajian juga akan menjelaskan mengenai proses fonologi; pengguguran dan penyisipan yang berlaku.

Sehubungan dengan itu, hasil daripada permasalahan yang huraikan di atas telah menimbulkan persoalan iaitu apakah penambahan dan perkembangan yang berlaku dari segi vokal dan konsonan, diftong, dan rangkap vokal? Dan, apakah pengguguran dan penyisipannya yang berlaku?

METODOLOGI

Kajian ini merupakan suatu kajian kualitatif deskriptif dalam mengenal pasti dan menganalisis serta menghuraikan evolusi fonologi bahasa Melayu Brunei. Kajian ini juga ialah satu kajian dokumentasi. Maka, hanya ada satu pendekatan yang dipakai bagi mendapatkan maklumat dan data, iaitu kaedah kepustakaan.

Kaedah Kepustakaan

Pada peringkat awal kajian ini, kaedah kepustakaan digunakan untuk mengumpulkan pengetahuan mengenai tajuk kajian. Ia dijadikan sebagai landasan dengan menelaah buku-buku, tesis-tesis dan jurnal-jurnal pengkaji sebelumnya.

Kajian mendapatkan sumber-sumber tersebut daripada Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Sebagai tambahan, kajian juga berhasil mendapatkan beberapa maklumat tambahan dan data kajian daripada atas talian melalui laman sesawang. Kemudian, kaedah ini juga digunakan untuk mendapatkan dan mengumpulkan data-data kajian.

Data Kajian

Data-data kajian ini merupakan data-data bentuk bahan tertulis. Menurut Patton (1990) dalam Jasmi, K. A. (2012) bahawa data kualitatif terbahagi kepada tiga jenis, masing-masing ialah (1) hasil pemerhatian, iaitu huraian teliti mengenai situasi, peristiwa, interaksi dan perilaku yang diperhatikan di lapangan, (2) hasil pembicaraan, iaitu pengambilan langsung daripada pernyataan seseorang mengenai pengalaman, sikap, keyakinan, dan pemikirannya dalam temu bual, dan (3) bahan bertulis, iaitu petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman dan kes sejarah.

Sehubungan dengan itu, data pertama ialah satu lagu terbaru yang menggunakan bahasa Melayu Brunei, iaitu '*Majal*' oleh Asmai dan Swanz. Lagu ini telah dicipta oleh Swanz dan dirakam di *Studio Beats & Caffeine (Instagram: eksklusif.bn, dimuatnaik pada 6hb September 2023)*. Lagu ini telah dikeluarkan pada 8hb September 2023 melalui muzik platform *Sportify, Apple Music, Deezer* dan lain-lain. Dengan itu, kajian telah melayari aplikasi *Sportify* bagi mendapatkan lirik lagu. (Sila rujuk **LAMPIRAN B** untuk lirik penuh)

Seterusnya, kajian juga menggunakan lima buah lagu kanak-kanak Brunei yang dirujuk melalui buku "**Kikik Sarbang Merah**" (2000) dan buku "**Daup-Daup Bapa**" (1985). Keduanya adalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Buku-buku berkenaan boleh didapati di Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Kelima-lima tajuk lagu-lagu tersebut ialah seperti di bawah. (Sila rujuk **LAMPIRAN C - G** untuk lirik penuh).

1. **Ikan O Ikan**
2. **Daup-Daup Bapa**
3. **Ambuk di Tunjang**
4. **Manja-Manja Piabung**
5. **Dian Sekotak**

Terakhir, kajian juga menggunakan 130 Perambahan Brunei sebagai data. Perambahan Brunei tersebut mengandungi simpulan bahasa, bidalan dan perumpamaan yang memiliki hiasan dan perlambangan yang tersendiri (Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1991: Pendahuluan Pengarah). Menurut beliau lagi, penerbitan buku ini adalah sebagai salah satu usaha untuk menyelamatkan sebahagian daripada khazanah bangsa yang hampir pupus ditelan zaman. Ia sejajar dengan salah satu kepentingan pelaksanaan kajian ini seperti yang dinyatakan di atas. Senarai Perambahan Brunei tersebut berserta maknanya boleh dirujuk pada **LAMPIRAN H**. Data kajian ini telah diambil daripada buku "**Perambahan Brunei**" yang disusun oleh Hadijah Haji Hassan dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei pada tahun 1991. Buku ini boleh didapati di Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Fokus kajian ialah pada perkembangan bahasa Melayu Brunei, maka kajian hanya akan menumpukan pada penambahan vokal dan konsonan luar daripada yang sedia ada. Selain itu, kajian juga akan menyentuh dan menerangkan mengenai rangkap vokal dan diftong. Terakhir, kajian akan menghuraikan mengenai pengguguran dan penyisipan bunyi yang terjadi dalam bahasa Melayu Brunei berdasarkan data-data kajian. Hasil dan perbincangan adalah seperti di bawah.

1. Lirik Lagu “Majal”

Didapati melalui kajian ini bahawa data-data daripada lirik lagu “Majal” mengalami penambahan vokal. Selain itu, ditemui juga hentian glotis dan gugusan konsonan (*consonant cluster*), rangkap vokal, dan diftong. Terakhir, lirik lagu “Majal” juga mengalami pengguguran dan penyisipan. Analisis bagi setiap dapatan adalah seperti berikut.

i. Vokal

Perkembangan vokal yang didapati dalam lirik lagu ini ialah vokal /e, ə, o/. Didapati ada satu vokal /e/ iaitu dalam kata ‘taman eco’. Kata tersebut datang dari kata ‘Eco-Corridor’ iaitu nama lain bagi Taman Mahkota Jubli Emas. Ia merupakan salah satu taman terbaru di Negara Brunei Darussalam yang terletak di ibu kotanya. Taman tersebut telah dirasmikan oleh Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzadin Waddaulah pada bulan Oktober 2017 yang lalu (thesccoop.co, 2017).

Seterusnya, kajian juga berhasil menemui dua vokal /o/ dalam lirik lagu ini. Pertama dalam kata ‘eco’. Kedua, dalam kata ‘Mumong’. Kedua-dua kata merupakan nama tempat.

Kemudian, vokal /ə/ boleh didapati dalam beberapa kata di dalam lirik ini. Antaranya, ‘setau’, ‘betamu’ dan ‘penyamal’. ‘Setau gaban’ membawa maksud seperti tahu segala-galanya (namun kebenaran dan sejauh mana pengetahuan itu belum pasti). Kemudian, kata ‘penyamal’ merujuk kepada seseorang yang suka merajuk. (Sila lihat **LAMPIRAN A** untuk analisis yang lain)

ii. Konsonan

Lirik lagu “Majal” juga mengandungi hentian glotis dan gugusan konsonan (*consonant cluster*). Pertama, hentian glotis. Dalam bahasa Melayu secara amnya, hentian glotis adalah tidak asing lagi. Ia terjadi apabila konsonan /k/ berada di akhir kata. Menurut Asmah (1985) bahawa fonem /k/ di akhir kata atau sebelum konsonan adalah tidak wujud melainkan direalisasikan sebagai glotal /ʔ/ di dalam kebanyakan bahasa Melayu di Semenanjung. Dalam data ini, hentian glotis boleh dilihat dalam beberapa perkataan misalnya, ‘tapuk’, ‘masuk’ dan ‘pujuk’. ‘Tapuk’ dalam bahasa Melayu Standard ialah sorok atau sembunyi. Selain itu, hentian glotis juga boleh didapati terletak di antara dua vokal. Contohnya, ‘beungkayah’ [beʔuŋkajah]. Kata ‘beungkayah’ bermaksud berusaha untuk melakukan sesuatu.

Kedua, gugusan konsonan. Kata ‘achai’ dan ‘ikhlas’ merupakan contoh gugusan konsonan yang boleh didapati dalam lirik lagu ini. Kajian tidak menemui makna kata ‘achai’ dalam kamus dan rujukan lain.

iii. Rangkap Vokal

Ada dua rangkap vokal yang ditemui. Masing-masing ialah /au/ dan /ua/. Rangkap vokal /au/ boleh dilihat antaranya daripada kata ‘mau’, ‘kau’ dan ‘setau’. Kata ‘mau’ berasal dari kata mahu. Manakala, rangkap vokal /ua/ antaranya ialah dalam kata ‘jua’, ‘buat’ dan ‘peluang’. Kata asal bagi ‘jua’ ialah juga.

iv. Diftong

Seterusnya, data ini memiliki dua diftong sahaja. Diftong yang pertama ialah /au/. Misalnya, pada kata ‘kalau’, ‘ingau’, ‘angau’ dan ‘mengalurau’. Kata ‘ingau’ dalam bahasa Melayu Standard ialah bimbang. Manakala, ‘angau’ ialah terbayang-bayang atau tergila-gila dan ‘mengalurau’ merujuk pada bercakap semasa tidur tentang apa-apa yang dilakukan pada waktu siang. Kemudian, yang kedua ialah /ai/ seperti dalam kata ‘achai’, ‘waimapun’, ‘pakai’ dan ‘sampai’. ‘Waimapun’ ialah walaupun atau meskipun.

v. Pengguguran

Kajian seterusnya melihat pada pengguguran yang terdapat dalam lirik lagu ini. Terdapat tujuh kata yang mengalami pengguguran. Contoh dan analisis adalah seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 1. Kata yang mengalami pengguguran dalam lirik lagu ‘Majal’.

Kata yang Mengalami Pengguguran	Rumus Fonologi	Kata Asal
Ku	/a/ > Ø	Aku
Ni	/a/ > Ø	Ani (ini dalam bahasa Melayu Standard)
Tani	/k/ > Ø /i/ > Ø	Kitani
Dah	/s/ > Ø /u/ > Ø	Sudah
Ucing	/k/ > Ø	Kucing dalam bahasa Melayu Standard
Pi	/t/ > Ø /a/ > Ø	Tapi (tetapi dalam bahasa Melayu Standard)
Tuk	/u/ > Ø /n/ > Ø	Untuk

vi. Penyisipan

Terakhir, penyisipan. Dalam bahasa Melayu, penyisipan terjadi di antara rangkap vokal. Penyisipan tersebut ialah penyisipan bunyi /w/ dan /j/.

Namun, hanya penyisipan /w/ yang ditemui dalam data ini. Contoh dan analisis ialah seperti berikut dalam jadual 2.

Jadual 2: Kata yang mengalami penyisipan dalam lirik lagu ‘Majal’.

Kata	Rumus Fonologi	Kata dalam Bahasa Melayu Standard
Mau	/w/ : V _ V	Mahu
Kau		Kau
Jua		Kita
Setau		Tahu
Buat		Buat
Tau		Tahu
Berdua		Berdua
Peluang		Peluang

Kesimpulannya, lagu “Majal” memiliki tiga penambahan vokal iaitu vokal /e, ə, o/ dalam liriknya. Selain itu, terdapat juga hentian glotis dan gugusan konsonan. Kemudian, pengguguran dan penyisipan juga boleh dilihat dalam lirik lagu ini.

2. Lagu Kanak-Kanak Brunei

Didapati melalui kajian ini bahawa data-data daripada lirik-lirik lagu Kanak-Kanak Brunei mengalami penambahan vokal. Selain itu, kajian juga berhasil menemui hentian glotis, rangkap vokal dan diftong. Terakhir, lirik-lirik lagu tersebut juga mengalami penyisipan. Analisis bagi setiap dapatan adalah seperti berikut.

i. Vokal

Lirik-lirik lagu kanak-kanak Brunei hanya memiliki dua perkembangan vokal yang didapati iaitu /ə/ dan /o/. Contoh dan analisis adalah seperti jadual 3 di bawah.

Jadual 3. Perkembangan vokal dalam lirik lagu kanak-kanak Brunei.

Vokal	Kata	Lagu
/ə/	Segera, Kembang, Berumpan, Bedukang, Ke, Perut	Ikan O Ikan
	Tembayangan, Bekuku, Diberi, Lemak, Kelapa, Menangis, Bekerja	Daup-Daup Bapa
	Mematah, Bersila, Bercerita, Ketulangan, Periuk, Petua, Bertandang	Ambuk Di Tunjang
	Besar, Kena, Pelanduk, Penuh, Belajar, Ketua	Manja-Manja Piabung

	Sekotak, Mengalai, Berbaju, Berseluar, Terantuk, Pemandung	Dian Sekotak
/o/	O ikan	Ikan O Ikan
	Pohon, Orang, Bohong	Manja-Manja Piabung
	Sekotak	Dian Sekotak

Kelima-lima data di atas memiliki penambahan vokal /ə/. Lirik lagu “**Ikan O Ikan**” memiliki enam kata yang mengandung vokal /ə/. Kata ‘kembung’ dalam kata bahasa Melayu Standard ialah kembang. Kemudian, ‘bedukang’ merupakan sejenis ikan yang ada di Brunei. Seterusnya, lirik lagu “**Daup-Daup Bapa**” mempunyai tujuh vokal /ə/. Antaranya, ‘tembayangan’ yang merupakan sejenis kerang. Lirik lagu berikutnya lagu “**Ambuk Di Tunjang**”. Antara kata yang terdapat dalam lirik tersebut ialah ‘bersila’. ‘Sila’ dalam bahasa Melayu ialah mengajak atau memperlawa. Namun, dalam situasi ini, ‘bersila’ merujuk pada cara duduk (di atas lantai). Terakhir, kata ‘bertandang’ yang bererti mengunjungi. Lirik lagu yang ke empat ialah lagu “**Manja-Manja Piabung**”. Salah satu contoh ialah ‘pelanduk’ iaitu sejenis binatang; *Tragul*. Terakhir, lirik lagu “**Dian Sekotak**”. Antara kata yang terdapat dalam lirik ini ialah ‘mengalai’, ‘terantuk’ dan ‘pemandung’. Kata ‘mengalai’ ialah menari dalam bahasa Melayu Standard. Manakala, kata ‘terantuk’ ialah terhantuk yang merujuk pada situasi terlanggar sesuatu tanpa sengaja. Kemudian, kata ‘pemandung’ dalam bahasa Melayu Standard ialah kayu yang dipasang melintang pada bahagian bawah jenang pintu/ambang.

Seterusnya, penambahan vokal /o/. Vokal ini dijumpai dalam tiga buah lagu sahaja. Pertama, lagu “**Ikan O Ikan**”. Namun, vokal /o/ dalam lagu ini lebih kepada bunyi saja dan bukan dalam bentuk kata. Kemudian, lagu kedua “**Manja-Manja Piabung**” memiliki tiga kata yang ada vokal /o/, iaitu kata ‘pohon’, ‘orang’ dan ‘bohong’. Terakhir, lagu “**Dian Sekotak**”. Kata dalam lirik lagu ini yang memiliki vokal /o/ ialah ‘sekotak’.

ii. **Konsonan**

Konsonan dalam bahasa Melayu Brunei berdasarkan data lirik-lirik lagu kanak-kanak Brunei tidak mengalami perkembangan yang drastik melainkan kewujudan hentian glotis. Contoh dan analisis mengenai hentian glotis dalam lirik-lirik tersebut adalah seperti di bawah.

Jadual 4: Hentian glotis dalam lirik-lirik lagu kanak-kanak Brunei

Kata	Lagu
[masu?]	Ikan O Ikan
[lema?], [ana?]	Daup-Daup Bapa
[ambu?], [periu?], [dudu?]	Ambuk Di Tunjang
[Pelandu?], [giu?], [ketu?]	Manja-Manja Piabung
[sekota?], [bunta?], [terantu?]	Dian Sekotak

Dalam kajian ini, kesemua lagu yang dipilih memiliki hentian glotis. Hentian glotis pertama yang ditemui ialah dalam kata ‘masuk’ daripada lirik lagu “**Ikan**

O Ikan". Seterusnya, dalam lirik lagu "**Daup-Daup Bapa**" ada dua sahaja iaitu 'lemak' dan 'anak'. Kemudian, lirik lagu ketiga "**Ambuk Di Tunjang**" ada tiga, iaitu 'ambuk', 'periuk' dan 'duduk'. Kata 'ambuk' ialah monyet dalam bahasa Melayu Standard. Lirik lagu "**Manja-Manja Piabung**" pula memiliki tiga kata yang mengandungi hentian glotis iaitu 'pelanduk', 'giuk' dan 'ketuk'. Terakhir, kata 'sekotak', 'buntak' dan 'terantuk' dari lirik lagu "**Dian Sekotak**". Kata 'buntak' ialah pendek.

iii. Rangkap Vokal

Seterusnya, terdapat lima rangkap vokal yang didapati dalam data lirik-lirik lagu kanak-kanak Brunei. Rangkap vokal tersebut ialah /ai/, /au/, /ia/, /iu/ dan /ua/. Contoh dan analisis adalah seperti berikut.

Lirik lagu "**Ikan O Ikan**" memiliki dua rangkap vokal iaitu /ai/ dan /au/. Rangkap vokal /ai/ didapati dalam kata 'kail' dan rangkap vokal /au/ terletak pada kata 'bau'. 'Kail' dalam bahasa Melayu Standard ialah pancing.

Seterusnya, lirik lagu "**Daup-Daup Bapa**" hanya ada satu rangkap vokal iaitu /au/. Rangkap vokal ini boleh didapati dalam kata 'daup' dan 'kau'. 'Daup' ialah tampar dalam bahasa Melayu Standard.

Kemudian, rangkap vokal /iu/ dan /ua/ di dalam lirik lagu "**Ambuk Di Tunjang**". Masing-masing boleh dilihat daripada kata 'periuk' dan 'petua'.

Manakala, lirik lagu "**Manja-Manja Piabung**" pula memiliki dua rangkap vokal. Yang pertama ialah /ia/ dari kata 'piabung' dan kedua ialah /iu/ dari kata 'giuk'. Kajian tidak menemui makna kata 'piabung' dalam Kamus Bahasa Melayu Brunei. Kata 'giuk' ialah ulat.

Terakhir, lirik lagu "**Dian Sekotak**". Lirik lagu ini juga memiliki dua rangkap vokal. Masing-masing ialah /ia/ dari kata 'dian' dan /ua/ dari kata 'berseluar'.

iv. Diftong

Diftong dalam data lirik-lirik lagu kanak-kanak Brunei hanya ada dua iaitu /au/ daripada lirik lagu "**Ambuk Di Tunjang**" dan /ai/ dalam lirik lagu "**Dian Sekotak**". Dalam lagu pertama, diftong /au/ dijumpai pada kata 'saudara' dan 'ingau-ingauan'. 'Ingau-ingauan' bermaksud perasaan bimbang yang kerap. Kemudian, /ai/ pula boleh didapati dalam kata 'balai' dan 'mengalai' pada lagu kedua. 'Mengalai' ialah menari.

v. Penyisipan

Kedua-dua jenis penyisipan telah ditemui dalam data ini. Contoh dan analisis adalah seperti dalam jadual 5 di bawah.

Jadual 5: Penyisipan dalam lirik-lirik lagu kanak-kanak Brunei.

Rumus Fonologi: /w/ : V_V
 /ʃ/ : V_V

Penyisipan	Kata	Lagu
/w/	[ba ^w u]	Ikan O Ikan

	[da ^w up], [ka ^w u]	Daup-Daup Bapa
	[pətu ^w a]	Ambuk Di Tunjang
	[bərsəlu ^w ar]	Dian Sekotak
/j/	[ka ^j il]	Ikan O Ikan
	[pəri ^j uʔ]	Ambuk Di Tunjang
	[pi ^j abun], [gi ^j uʔ]	Manja-Manja Piabung
	[di ^j an]	Dian Sekotak

Berdasarkan jadual di atas, penyisipan /w/ hanya ditemui dalam empat lirik lagu sahaja. Pertama, lirik lagu “**Ikan O Ikan**” yang memiliki kata [ba^wu], kedua, lirik lagu “**Daup-Daup Bapa**” dengan kata [da^wup] dan [ka^wu], ketiga lirik lagu “**Ambuk Di Tunjang**” yang mempunyai kata [petu^wa], dan terakhir lirik lagu “**Dian Sekotak**” dengan yang ada kata [bərsəlu^war] di dalamnya.

Seterusnya, penyisipan /j/ didapati dalam empat lirik lagu yang sama seperti di atas. Pertama, kata [ka^jil] dalam lirik lagu “**Ikan O Ikan**”, kemudian kata [pəri^juʔ] dalam lirik lagu “**Ambuk Di Tunjang**”, seterusnya kata [pi^jabun] dalam lirik lagu “**Manja-Manja Piabung**” dan terakhir kata [di^jan] dalam lirik lagu “**Dian Sekotak**”.

Rumusannya, data daripada lirik-lirik lagu kanak-kanak Brunei memiliki dua penambahan vokal sahaja, iaitu /ə/ dan /o/. Selain itu, hentian glotis juga ditemui dalam lirik-lirik tersebut. Manakala, rangkap vokal pula ada lima kesemuanya. Namun, hanya ada dua diftong iaitu /au/ dan /ai/. Terakhir, data ini mengalami penyisipan sahaja.

3. Perambahan Brunei

Didapati melalui kajian ini bahawa data-data daripada Perambahan Brunei mengalami penambahan vokal dan konsonan serta adanya hentian glotis. Selain itu, kajian juga berhasil menemui rangkap vokal dan diftong. Terakhir, Perambahan Brunei juga mengalami pengguguran dan penyisipan. Analisis bagi setiap dapatan adalah seperti berikut.

i. Vokal

Seterusnya, dalam Perambahan Brunei didapati berlaku tiga penambahan vokal, iaitu /e, ə, o/. Contoh dan analisis ada seperti dalam jadual 6 di bawah. (Sila rujuk **LAMPIRAN A** untuk contoh yang lain)

Jadual 6: Perkembangan vokal dalam Perambahan Brunei.

Vokal	Kata	Perambahan Brunei
/e/	Bandera, Merah	Tarik bandera merah
	Merah	Merah jua belanga
/ə/	Menampurung	Akal menampurung
	Perabut	Kana perabut
	Kesubukan	Kesubukan
	Ke	Dituang ke belatak mulih jua ke tingkur

	Menggali, Telaga	Lain orang menggali telaga, lain orang yang minum
/o/	Be(r)tolak be(r)ambit	Be(r)tolak be(r)ambit
	Mondok	Dang si mondok
	Rotan	Jangan dulu be(r)bini kalau inda dapat mematah rotan panjang sejangkal
	Bola	Karak bola
	Obor-obor	Macam Penurut obor-obor

Vokal /e/ pertama dan kedua didapati dalam perambahan yang sama, iaitu “tarik bendera merah”. Perambahan ini membawa maksud datang haid. Manakala, vokal /e/ seterusnya dalam kata ‘merah’ yang kedua ialah dari perambahan “merah jua belanga” yang bermaksud beroleh tangkapan.

Seterusnya, vokal /ə/ dalam kata ‘menampurung’ membawa maksud bodoh. Oleh itu, perambahan “akal menampurung” bermaksud perbuatan atau pemikiran yang tidak baik atau tidak masuk akal. Seterusnya, perambahan “kana perabut” ertinya keadaan hampir mati. Kata ‘perabut’ itu sendiri bermakna sakit tenat atau nazak. Kemudian, “kesubukan” ertinya mendapat malu. Perambahan berikutnya membawa makna pulang ke tempat asal (setelah gagal di tempat lain). Dalam bahasa Melayu Brunei, kedua-dua kata ‘belatak’ dan ‘tingkur’ membawa maksud bakul. Terakhir ialah perambahan “lain orang menggali telaga, lain orang yang minum” bermaksud lain orang yang berusaha, lain orang yang mendapat faedahnya.

Vokal /o/ pertama pula boleh didapati dalam perambahan “be(r)tolak be(r)ambit yang membawa makna bertolak ansur. Kata ‘ambit’ bererti menarik. Seterusnya, pada kata ‘mondok’ dan perambahan “dang si mondok” bererti tikus. Perambahan berikutnya bermakna melengkapkan diri dengan ilmu sebelum berumahtangga. Kata ‘jangkal’ ialah jengkal dalam bahasa Melayu Standard. ‘Be(r)bini’ pula ialah beristeri. Kemudian, kata ‘karak’ dalam perambahan “karak bola” bermaksud terlalu suka atau gemar. Maka, perambahan itu sendiri bererti gemar bermain bola. Terakhir, perambahan “macam penurut obor-obor” ertinya sentiasa mengikut perbuatan orang. Kata ‘penurut’ bermakna mengikut kehendak seseorang.

ii. Konsonan

Seperti data-data sebelumnya, Perambahan Brunei juga memiliki hentian glotis. Namun, yang menarik ialah data daripada Perambahan Brunei dalam kajian ini telah menemui satu penambahan konsonan. Kajian telah mendapati adanya konsonan /z/. Contoh dan analisis adalah seperti di bawah.

Jadual 7: Perkembangan konsonan dalam Perambahan Brunei

Konsonan	Kata	Perambahan Brunei
/ʔ/	[anaʔ]	Anak akun-akunan, Anak ampang
	[ditataʔ]	Aying ditatak indakan putus
	[kikiʔ], [sauʔ-sauʔ]	Kikik sauk-sauk

	[minya?]	Macam minyak dengan aying
	[kurapa?]	Kurapak inda tambus
/z/	[razaki]	Memutut razaki

Pada contoh pertama, hentian glotis didapati dalam kata ‘anak’. Ada dua contoh perambahan yang diambil. Contoh yang pertama, “**anak akun-akunan**” membawa makna anak yang diangkat pada nama sahaja tetapi masih di bawah tanggungan ibu bapa kandungnya. Kata ‘akun’ dalam perambahan ini bererti akui. Manakala, contoh perambahan kedua bermaksud anak luar nikah. Kata ‘ampang’ dalam situasi ini bererti melakukan hubungan sumbang. Seterusnya, kata ‘tatak’ daripada perambahan “**aying ditatak indakan putus**” bermaksud ketak (menetak/memotong). Perambahan itu sendiri bererti pertalian kekeluargaan tidak akan putus. Seterusnya, kata ‘kikik’ dan ‘sauk-sauk’. Masing-masing membawa erti layang-layang dan menjunam berkali-kali. Namun, perambahan “**kikik sauk-sauk**” ialah tidak tetap fikiran dan pendirian. Perumpamaan ini mengambil daripada keadaan layang-layang yang tidak menentu (sauk-sauk). Kemudian, perambahan seterusnya “**macam minyak dengan aying**” bermaksud tidak sepakat atau seperundingan. Dalam hal ini, perambahan tersebut mengambil daripada sifat air dan minyak. Jika keduanya dicampurkan, ia tidak akan sekata/bercampur. Terakhir, kata ‘kurapak’ yang bererti cakap dalam perambahan “**kurapak inda tambus**”. Manakala, kata ‘tambus’ dalam hal ini ialah tembus bermakna terus/terang/jelas. Perambahan tersebut pula bermaksud kata-kata penuh kiasan. (Sila rujuk **LAMPIRAN A** untuk analisis yang lain)

Seterusnya, ditemui juga dalam kajian ini penambahan konsonan /z/. Konsonan ini didapati dalam perambahan “**memutut razaki**”. Kata ‘memutut’ ialah memutus. Oleh itu, perambahan berkenaan bermaksud memutuskan mata pencarian (rezeki). Walau bagaimanapun, dalam tinjauan kepustakaan, kajian telah menemui beberapa lagi bahasa Melayu Brunei (yang telah dimasukkan ke dalam kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua, 2007:358) yang mengandungi konsonan /z/. Namun, kesemuanya merupakan kata pinjaman daripada bahasa Arab yang telah diterapkan ke dalam bahasa Melayu Brunei. Misalnya seperti berikut.

Jadual 8: Perkataan dalam bahasa Melayu Brunei yang mengandungi konsonan /z/

Kata	Makna
Zabur	Nama kitab
Zahir	Yang Nampak
Zamzam	Air Zamzam, telaga Zamzam
Zikir	Zikir
Zuhur	Sembahyang zuhur
Zulhijjah	Bulan islam ke dua belas
Zulkaedah	Bulan islam ke sebelas

iii. Rangkap Vokal

Melalui data-data Perambahan Brunei, kajian telah menemui enam rangkap vokal. Rangkap vokal tersebut ialah /ai, au, ia, iu, ua/ dan /ui/. Contoh dan analisis adalah seperti di bawah. (Sila rujuk LAMPIRAN A untuk analisis yang lain).

Jadual 9: Rangkap vokal dalam Perambahan Brunei

Rangkap Vokal	Kata	Perambahan Brunei
/ai/	Duai	Tulang duai
	Kain	Datang kain
/au/	Malaun	Kapir malaun
	Daun	Macam daun
/ia/	Liat	Lamah liat
	Siang	Siang angan-angan, malam ditanggung tikus
/iu/	Liur	Aying liur bangas
	Giuk	Macam giuk bulu
/ua/	Luan	Luan di ati-ati
	Ruah	Lanyap ruah
/ui/	Juita	Amas juita
	Menjuir	Menjuir telinga

Kajian memberi dua contoh Perambahan Brunei yang mengandungi rangkap vokal /ai/. Perambahan yang pertama ialah “**tulang duai**”. Perambahan ini bermaksud terlalu lemah. Kedua, “**datang kain**” yang bermaksud datang haid. Kemudian, bagi rangkap vokal /au/ kajian memberikan contoh “**kapir malaun**” yang bererti orang yang terlalu jahil akan agama dan “**macam daun**” yang bermaksud boros. Seterusnya rangkap vokal /ia/, kajian memberi contoh perambahan “**lamah liat**” yang bermaksud lambat menyelesaikan sesuatu kerja namun hasilnya sempurna. Dan contoh kedua ialah perambahan “**siang angan-angan, malam ditanggung tikus**” dengan erti suka berangan-angan tanpa usaha. Rangkap vokal yang ke empat ialah /iu/. Kajian memberi contoh perambahan “**aying liur bangas**” yang bermaksud sesuatu yang sudah lama (biasanya ilmu pengetahuan) dan perambahan “**macam giuk bulu**” yang bererti suka mengusik anak dara orang. Kata ‘bangas’ pada contoh pertama dalam bahasa Melayu Standard ialah basi. Manakala, kata ‘giuk’ pada perambahan kedua telah dijelaskan sebelumnya. Namun, dalam situasi ini, perumpamaan dibuat berdasarkan sifat ulat bulu. Seterusnya, rangkap vokal /ua/ dengan contoh perambahan “**luan di ati-ati**” yang bermaksud malar dikenang-kenang dan perambahan “**lanyap ruah**” yang bererti terperanjat. Dalam perambahan pertama, kata ‘luan’ bermaksud kerap atau selalu. Kata ‘ati’ pula berasal dari kata hati dalam bahasa Melayu Standard. Manakala, kata ‘malar’ pula ialah sering. Terakhir, rangkap vokal /ui/. Contoh perambahan pertama ialah “**amas juita**” yang merujuk pada kata sanjungan (bagi orang yang dikasihi) dan kedua ialah perambahan “**menjuir telinga**” yang membawa

maksud mendengar baik-baik (sesuatu percakapan). Kata ‘menjuir’ dalam bahasa Melayu Standardnya ialah mengeluarkan.

iv. Diftong

Melalui data kajian, didapati bahawa ada tiga diftong dalam Perambahan Brunei. Dua daripadanya merupakan diftong yang sering ditemui dalam bahasa Melayu Brunei, iaitu /ai/ dan /au/. Manakala, satu adalah penambahan diftong, iaitu /oi/. Contoh dan analisis adalah seperti di bawah. (Sila rujuk LAMPIRAN A bagi analisis yang lain).

Jadual 10: Diftong dalam Perambahan Brunei

Diftong	Kata	Perambahan Brunei
/ai/	Amai	Amai tangan
	Burai	Biar dandan te(r)burai jangan pariuk pacah
	Bisai	Bisai luar buruk di dalam
/au/	Sigau	Bini-bini sigau
	Lagau	Lagau-langau ayam
	Langau	Macam langau mengarumuni bangkai
/oi/	Melangoi	Jangan melangoi saja tunduk-tunduki jua ke bawah
	Melangoi	Melangoi kasau

Diftong yang pertama ialah /ai/. Kajian memberikan tiga contoh. Pertama, “**amai tangan**” yang bermaksud suka menjangkau tanpa tujuan. Kata ‘amai’ dalam bahasa Melayu Brunei ialah mengganggu/kacau. Manakala, kata ‘menjangkau’ ialah memegang atau menyentuh. Kedua, “**biar dandan te(r)burai jangan pariuk pacah**” yang bererti jangan memecahkan rahsia walau dalam apa keadaan sekalipun. Dalam bahasa Melayu Brunei, kata ‘dandan’ ialah perut dan kata ‘terburai’ ialah apabila sesuatu pecah dan berselerak. Dan ketiga, “**bisai luar buruk di dalam**” yang bermakna baik pada lahirnya tetapi hatinya jahat. Kata ‘bisai’ dalam bahasa Bahasa Melayu Standard ialah elok/cantik/baik.

Diftong yang kedua ialah /au/. Contoh perambahan yang mengandungi diftong /au/ ialah “**bini-bini sigau**”. Perambahan ini bermaksud perempuan yang suka mengikut perilaku atau perangai lelaki. Jelas, kata ‘bini-bini’ merujuk pada perempuan. Manakala, kata ‘sigau’ ialah bersifat atau bertingkah laku seperti lelaki. Kemudian, contoh kedua ialah perambahan “**lagau-lagau ayam**”. Kata lagau dalam bahasa Melayu Standard ialah mempelawa atau mengajak. Dengan itu, perambahan ini bermaksud mengajak seseorang dengan tidak bersungguh-sungguh. Perambahan ini sama seperti peribahasa “ajak-ajak ayam”. Terakhir ialah perambahan “**macam langau mengarumuni bangkai**”. Perambahan ini bererti suka berkumpul di tempat maksiat. Kata “langau” ialah lalat. Manakala, perambahan menggunakan kata ‘bangkai’ sebagai perumpamaan bagi tempat maksiat.

Diftong yang terakhir ialah /oi/. Kedua-dua perambahan “**jangan melangoi saja tunduk-tunduki jua ke bawah**” dan “**melangoi kasau**” memiliki kata

‘melangoi’ yang mengandungi diftong /oi/. Kata tersebut bererti mendongak atau melihat ke atas dalam bahasa Melayu Standard. Perambahan yang pertama membawa maksud apabila mendapat kesenangan, hendaklah selalu beringat semasa susah atau asal-usul. Manakala, perambahan kedua bererti merasa kecewa atau hampa.

v. **Pengguguran**

Dalam data Perambahan Brunei, didapati bahawa ada dua jenis pengguguran yang berlaku. Pengguguran tersebut ialah penghilangan konsonan /k/ dan konsonan /h/ yang berada di awal kata.

Pengguguran konsonan /k/ dalam data kajian hanya berlaku pada kata ‘kucing’ yang menjadi ‘ucing’. Misalnya dalam contoh perambahan “**macam ucing keguguran anak**” yang bermaksud tergopoh-gapah atau tergesa-gesa. Rumus pengguguran ini ialah seperti di bawah.

$$\text{Kucing} > [\text{ufin}] \quad /k/ > \emptyset : \# _ _$$

Dengan itu, kajian tidak dapat mengatakan bahawa konsonan /k/ akan gugur jika berada di awal kata. Hal ini kerana wujudnya kata yang mengekalkan konsonan /k/ di awal kata. Contohnya, kata ‘karbau’ dalam perambahan “**macam luaian karbau**” yang bermaksud bersepah atau tidak kemas dan kata ‘kambang’ dalam perambahan “**kambang liur**” yang bererti jijik (akan sesuatu).

Manakala, pengguguran konsonan /h/ di awal kata adalah lebih konsisten. Ini bermaksud, konsonan /h/ akan lesap jika berada di posisi awal sesuatu kata. Namun, ia akan kekal jika berada di posisi lain. Misalnya, di posisi tengah seperti pada kata ‘kengalihan’ dalam perambahan “**lain orang naik pokok, lain orang yang kengalihan**” yang bermaksud lain orang yang berusaha mendapat kejayaan, lain orang yang susah hati kerana iri dan kata ‘tuhut’ dalam perambahan “**otak di kepala tuhut**” yang bererti tidak menggunakan fikiran dengan betul. Kemudian, contoh konsonan /h/ di posisi akhir kata yang kekal ialah seperti kata ‘merah’ dalam perambahan “**tarik bendera merah**” dan kata ‘lamah’ dalam perambahan “**lamah liat**”. Maksud kedua-dua perambahan tersebut telah diterangkan sebelumnya.

Sehubungan dengan itu, kajian berhasil menemui 10 kata yang mengalami pengguguran konsonan/h/ di awal kata dalam data Perambahan Brunei. Masing-masing ialah (1) ampir, (2) angus, (3) antu, (4) anyut, (5) ati, (6) idung, (7) itam, (8) ujan, (9) ujung, dan (10) utan. Oleh itu, di bawah ini merupakan contoh dan analisis pengguguran konsonan /h/ di awal kata dalam Perambahan Brunei di dalam kajian ini.

Jadual 11: Pengguguran konsonan /h/ di awal kata dalam Perambahan Brunei.

Rumus Fonologi: $/h/ > \emptyset : \# _ _$

Kata	Kata Asal	Perambahan Brunei
Ampir	Hampir	Jauh mata itam, ampir mata putih

Angus	Hangus	Kira angus
Antu	Hantu	Anak antu
Anyut	Hanyut	Macam tampurung anyut
Ati	Hati	Balas ati Berabis ati Gatal ati Jahat ati Kalang ati
Idung	Hidung	Panjang idung
Itam	Hitam	Itam meluhum Jauh mata itam, ampir mata putih
Ujan	Hujan	Ujan labat di sana sini tatapi inda batak, lebih baik ujan sedikit tatapi batak
Ujung	Hujung	Kedapatan di ujung
Utan	Hutan	Mengayam utan

Berdasarkan jadual di atas, kata pertama yang mengalami pengguguran konsonan /h/ di awal kata ialah 'hampir' yang menjadi 'ampir'. Kata 'ampir' bermaksud dekat. Perambahan "**jauh mata itam, ampir mata putih**" mempunyai dua makna iaitu mengutamakan saudara yang jauh daripada saudara yang dekat dan mencari sesuatu yang jauh sedangkan yang dicari dekat dengan diri. Kemudian, contoh kedua ialah kata 'angus' iaitu hangus atau hangat dalam bahasa Melayu Standard dalam perambahan "**kira angus**". Perambahan ini bererti tidak termasuk dalam perkiraan. Seterusnya, kata 'antu' yang berasal dari kata hantu. Perambahan "**anak antu**" bermaksud kanak-kanak yang tidak elok perangainya atau pakaiannya. Perambahan ini mengambil perumpamaan daripada sifat hantu. Ke empat kata 'anyut', iaitu hanyut. Perambahan "**macam tampurung anyut**" bermaksud hidup melarat. Seterusnya, kata 'ati' iaitu hati. Perambahan Brunei banyak menggunakan kata 'ati'. Kajian mengambil lima contoh, iaitu (1) "**balas ati**" bermaksud merajuk, (2) "**berabis ati**" bermaksud bersungguh-sungguh, (3) "**gatal hati**" bermaksud sangat ingin hati, (4) "**jahat ati**" bermaksud kasihan, dan (5) "**kalang ati**" bermaksud kurang selera makan (kerana rindukan seseorang yang dikasihi). Contoh kata seterusnya ialah 'idung' iaitu hidung dalam perambahan "**panjang idung**" yang bermaksud mempunyai ilmu batin. Seterusnya, kata 'itam'. Kajian menggunakan dua contoh perambahan iaitu "**itam meluhum**" dan "**jauh mata itam, ampir mata putih**". Perambahan "**itam meluhum**" bermaksud terlalu atau sangat hitam. Perambahan kedua telah dijelaskan di atas. Kata seterusnya ialah 'ujan' daripada kata hujan. Contoh perambahan ialah "**ujan labat di sana sini tatapi inda batak, lebih baik ujan sedikit tatapi batak**". Maksud perambahan ini ialah pendapatan baik tetapi sekali sekala, lebih baik pendapatan sedikit tetapi malar. Kata 'batak' ialah lama dalam bahasa Melayu Standard. Manakala, kata 'malar' telah diterangkan sebelumnya. Seterusnya, kata 'ujung'. 'Ujung' asalnya ialah hujung. Contoh perambahan yang menggunakan kata 'ujung' ialah "**kedapatan di ujung**"

yang bermaksud terbukti berbohong. Kata ‘kedapatan’ dalam bahasa Melayu Standard ialah diketahui. Terakhir, kata ‘utan’ iaitu hutan dalam perambahan “**mengayam utan**” yang bermaksud tidak mahu bergaul dan berjumpa orang.

vi. **Penyisipan**

Penyisipan yang ditemui dalam Perambahan Brunei di dalam kajian ini ada dua, iaitu penyisipan /^w/ dan penyisipan /j/. Kajian mendapati enam rangkap vokal yang mengalami penyisipan. Rangkap vokal yang mengalami penyisipan /^w/ ialah /au, ua, ui/ dan rangkap vokal yang mengalami penyisipan /j/ ialah /ai, ia, iu/. Contoh dan analisis adalah seperti berikut. (Sila rujuk **LAMPIRAN A** untuk analisis yang lain)

Jadual 12: Penyisipan dalam Perambahan Brunei

Rumus Fonologi: /^w/ : V_V

/j/ : V_V

Penyisipan	Kata	Perambahan Brunei
/ ^w /	[dʒa ^w uh]	Jauh mata hitam, ampir mata putih
	[la ^w ut]	Macam turus di laut
	[[dʒu ^w a]	Aying inda sajakan pasang, ada jua masanya surut
	[məmbu ^w aŋ]	Inda membuang ucap
	[ju ^w ita]	Amas juita
	[mənɔʒu ^w ir]	Menjuir telinga
/j/	[naiʔ]	Naik bungaran
	[kai ⁿ]	Datang kain
	[karami ^a n]	Akal karamian
	[bi ^a awaʔ]	Biawak punggung
	[li ^a ur]	Aying liur bangas
	[[li ^a ur]	Pait liur

Seperti yang dinyatakan di atas, penyisipan /^w/ berlaku pada tiga rangkap vokal. Pertama ialah rangkap vokal /au/ dengan contoh kata [dʒa^wuh] dari perambahan “**jauh mata hitam, ampir mata putih**” yang maksudnya telah dijelaskan sebelumnya dan kata [la^wut] dari perambahan “**macam turus di laut**” yang bermaksud berdiri-diri tanpa membuat kerja. Seterusnya, rangkap vokal /ua/ dengan contoh kata [dʒu^wa] dari perambahan “**aying inda sajakan pasang, ada jua masanya surut**” yang bermaksud hidup tidak sentiasa senang, adakalanya susah. Kata ‘inda’ ialah tidak dan kata ‘surut’ ialah cetek dalam bahasa Melayu Standard. Contoh penyisipan kedua bagi rangkap vokal ini ialah kata [məmbu^waŋ] dari perambahan “**inda membuang ucap**” yang bermaksud tidak bertanggung”. Kemudian, rangkap vokal /ui/ dengan contoh kata [ju^wita] dari perambahan “**amas juita**” dan kata [mənɔʒu^wir] dari perambahan “**menjuir telinga**”. Erti bagi kedua-dua perambahan tersebut ada di bahagian atas.

Seterusnya, penyisipan /i/. Pertama, penyisipan /i/ di antara rangkap vokal /ai/ pada kata [naiʔ] dari perambahan “**naik bungaran**” yang bermaksud remaja dan pada kata [kaʔin] dalam perambahan “**datang kain**” iaitu datang haid. Kedua, penyisipan di antara rangkap vokal /ia/ dalam kata [karamiʔan] dari perambahan “**akal karamian**” yang bererti perangai yang tidak senonoh dan dalam kata [biʔawaʔ] dari perambahan “**biawak punggur**” yang bermaksud lelaki yang malas dan enggan berikhtiar. Kata ‘karamian’ dalam Kamus Bahasa Melayu Brunei (2007) ialah karmian. Manakala, kata ‘punggur’ ialah kayu mati apabila merujuk dalam Kamus Bahasa Melayu Brunei (2007). Rangkap vokal terakhir yang mengalami penyisipan /i/ ialah rangkap vokal /iu/. Contohnya ialah kata [liʔur] daripada dua perambahan, iaitu “**aying liur bangas**” dan “**pait liur**”. Perambahan pertama telah diberikan maknanya di atas, manakala perambahan kedua bermaksud sukar (untuk mendapatkan sesuatu daripada orang lain). Sebagai tambahan, kata ‘pait’ dalam bahasa Melayu Standard ialah pahit.

Kesimpulannya, Perambahan Brunei dalam kajian ini mengalami penambahan vokal dan konsonan. Penambahan vokal yang didapati dalam hasil kajian ialah /e, ə, o/ dan hanya ada satu penambahan konsonan, iaitu konsonan /z/. Manakala, kajian juga mendapati ada enam rangkap vokal kesemua, masing-masing ialah /ai, au, ia, iu, ua/ dan /ui/. Selain itu, telah ditemui satu diftong tambahan, iaitu /oi/. Keseluruhannya, kajian mendapati tiga diftong; /ai, au, oi/. Salah satu yang menarik lagi dalam dapatan kajian ini ialah pengguguran konsonan /h/ yang berada di posisi awal kata. Terakhir, kedua-dua penyisipan /w/ dan /j/ juga turut ditemui.

PERBINCANGAN

Secara menyeluruh, didapati melalui kajian bahawa ada tiga penambahan vokal di dalam bahasa Melayu Brunei; /e, ə, o/. Contohnya ialah seperti vokal /e/ dalam kata ‘bendera pada data Perambahan Brunei; “Tarik Bendera Merah”. Kemudian, vokal /ə/ seperti dalam kata ‘periuk’ daripada data lirik lagu kanak-kanak Brunei; “Ambuk di Tunjang”. Terakhir, vokal /o/ di dalam kata ‘mondok’ daripada data Perambahan Brunei; “jangan jadi tikus mondok”. Sehubungan dengan itu, bahasa Melayu Brunei kini adalah sebuah bahasa Melayu yang memiliki enam vokal, iaitu /a, e, ə, i, o/ dan /u/.

Seterusnya, hasil dapatan kajian juga telah menjelaskan mengenai hentian glotis yang ditemui daripada data-data kajian. Hentian glotis ini merupakan pengganti bagi konsonan /k/ yang berada di posisi belakang kata. Misalnya, kata ‘sekotak’ [səkotaʔ] daripada lirik lagu kanak-kanak Brunei, “Dian Sekotak” dan kata ‘tapuk’ [tapuʔ] dalam lirik lagu “Majal”. Selain daripada itu, di dalam kajian ini juga telah dijumpai konsonan /z/. Konsonan tersebut didapati pada kata ‘razaki’ dalam Perambahan Brunei, “memutut razaki”. Selain itu, kajian juga telah menyenaraikan beberapa kata lain yang mengandungi konsonan /z/ berdasarkan daripada entri yang terdapat di dalam Kamus Bahasa Melayu Brunei, (2006). Malahan, di dalam kamus yang sama juga terdapat kata-kata yang mengandungi konsonan /q/. Misalnya, kata ‘qadar’, ‘qari’, ‘qunut’ dan ‘Quran’. Namun, konsonan /q/ tidak ditemui dalam data kajian. Sebagai tambahan lagi, kesemua kata yang mengandungi konsonan /q/ dan /z/ tersebut adalah merupakan kata pinjaman daripada bahasa

Arab. Dengan itu, kajian merumuskan bahawa bahasa Melayu Brunei kini mempunyai 19 konsonan termasuk hentian glotis, /ʔ/. Konsonan-konsonan tersebut ialah /b, c, d, g, h, j, k, l, m, n, p, q, r, s, t, w, y/ dan /z/.

Selanjutnya, kajian juga menganalisis mengenai rangkap vokal. Rangkap vokal yang ditemui melalui kajian ini ada enam kesemuanya, iaitu /ai, au, ia, iu, ua/ dan /ui/. Rangkap vokal /ai, ia/ dan /iu/ hanya ditemui pada data lirik-lirik lagu kanak-kanak Brunei dan Perambahan Brunei. Manakala, rangkap vokal /au, ua/ dan /ui/ ditemui pada kesemua jenis data.

Seterusnya, mengenai diftong. Diftong yang ditemui di dalam kajian ini ada tiga kesemuanya. Masing-masing ialah /ai, au/, dan /oi/. Diftong yang banyak ditemui di dalam data kajian ialah /ai/ dan /au/. Kesemua data-data kajian memiliki kata yang mengandungi dua diftong tersebut. Terakhir, diftong /oi/ pula adalah merupakan satu perkembangan. Ia telah dijumpai dalam data Perambahan Brunei melalui kata ‘melangoi’ dari perambahan “jangan melangoi saja tundk-tunduki jua ke bawah” dan perambahan “melangoi kasau”.

Kemudian, pengguguran. Dalam kajian ini, hanya data-data daripada lirik lagu “Majal” dan Perambahan Brunei yang mengalami pengguguran. Pengguguran pada lirik lagu “Majal” ialah seperti pada kata ‘tapi’ yang menjadi [pi] dan kata ‘untuk’ yang menjadi [tuʔ]. Sedangkan, pengguguran pada data Perambahan Brunei adalah lebih konsisten. Melalui data tersebut, kajian mendapati bahawa konsonan /h/ yang berada di posisi awal kata adalah cenderung mengalami pelesapan. Contoh yang paling ketara ialah kata ‘hati’ yang menjadi ‘ati’ di dalam beberapa Perambahan-Brunei.

Perbincangan dapatan kajian yang terakhir, penyisipan. Kesemua data-data dalam kajian ini mengalami penyisipan. Terdapat dua jenis penyisipan yang ditemui, iaitu penyisipan /w/ dan penyisipan /j/. Penyisipan /w/ terjadi di antara rangkap vokal /au, ua/ dan /ui/. Manakala, penyisipan /j/ berlaku di antara rangkap vokal /ai, ia/ dan /iu/.

Selain daripada perbincangan di atas, pada bahagian ini juga kajian ingin mengutarakan beberapa pendapat mengenai antara punca dan penyumbang terhadap perkembangan bahasa Melayu Brunei. Oleh itu, di antara pendorong tersebut boleh dilihat pada dua pengkategorian. Pertama ialah pengaruh dari segi pendidikan. Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang menggunakan dwibahasa dalam sistem pendidikannya. Pengajaran dan pembelajaran di negara bumi bertuah ini baik pada peringkat rendah, menengah dan malahan pendidikan tinggi menggunakan bahasa Melayu Standard dan bahasa Inggeris. Menurut satu kajian oleh Dr. Haji Jaludin Haji Chuchu (2018), penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah dan menengah di negara ini adalah tidak seimbang. Kajian telah merumuskan hasil perbincangan beliau seperti di dalam jadual di bawah.

Jadual 18: Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di dalam pendidikan di Negara Brunei Darussalam (Dr. Haji Jaludin Haji Chuchu (2018))

Peringkat	Tahun	Bahasa	Peratus
Rendah	1-3 (Bawah)	Bahasa Melayu	77.8% (35 jam daripada 45 jam)
		Bahasa Inggeris	22.2% (10 jam daripada 45 jam)

	4-6 (Atas)	Bahasa Melayu	40% (18 jam daripada 45 jam)
		Bahasa Inggeris	60% (27 jam daripada 45 jam)
Menengah	7-9 (Bawah)	Bahasa Melayu	30.4% (14 jam daripada 46 jam)
		Bahasa Inggeris	69.6% (32 jam daripada 46 jam)
	10-11 (Atas)	Bahasa Melayu	23.9% (16 jam daripada 67 jam)
		Bahasa Inggeris	76.1% (51 jam daripada 67 jam)

Oleh itu, seperti yang dinyatakan di atas bahawa sistem pendidikan di Negara Brunei Darussalam menggunakan dua bahasa dan salah satu daripadanya ialah bahasa Melayu Standard. Maka, penutur dan pengguna bahasa Melayu Brunei kini terutama generasi baru adalah terkesan. Bahasa Melayu Standard merupakan bahasa Melayu yang mempunyai enam vokal, iaitu /i, e, ə, a, u/ dan /o/ (Clynes, A. dan Deterding, D, 2011).

Kedua, pengaruh media. Media massa dan media baru telah secara langsung menjadi pendorong kepada evolusi bahasa yang digunakan oleh penggunanya. Media massa di negara ini digunakan sebagai salah satu platform bagi mengongsikan dan menyampaikan maklumat rasmi. Misalnya, surat khabar, berita, minit mesyuarat, surat keliling, dan sebagainya. Dengan itu, memandangkan ia merupakan pengantar rasmi, maka bahasa Melayu Standard telah dipakai. Selain daripada itu, penduduk Negara Brunei Darussalam juga tidak kurang aktif menjadi pengguna media baru seperti *Instagram, Facebook, LinkedIn, Twitter* dan lain-lain. Ada lebih kurang 516.5 ribu pengguna media baru di negara ini pada tahun 2022, Januari (*Instagram*; 319.9 ribu pengguna, *Facebook*; 298.6 ribu pengguna, *LinkedIn*; 95.0 ribu pengguna, *Twitter*; 83.9 ribu pengguna). Malahan, pemakluman yang dibuat melalui sosial media juga menggunakan bahasa Melayu Standard apabila ia berbentuk pemakluman rasmi. Manakala, perkongsian yang bukan berbentuk rasmi pula boleh dilihat melalui akaun perniagaan, akaun persatuan, akaun peribadi dan sebagainya di dalam media sosial tersebut.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian telah berjaya menemui dan membuktikan bahawa bahasa Melayu Brunei sedang mengalami evolusi dari segi fonologinya. Perkembangan-perkembangan tersebut telah dianalisis dan dijelaskan pada bahagian analisis dan perbincangan di atas. Selain itu, kajian juga telah menyentuh dan menerangkan tentang rangkap vokal dan diftong dalam bahasa Melayu Brunei berdasarkan dapatan kajian. Kemudian, kajian juga telah menghuraikan mengenai proses fonologi; pengguguran dan penyisipan. Sehubungan dengan itu, kajian telah mencapai tujuan utama pelaksanaan kajian dan sekaligus menjawab persoalan kajian. Kajian ini telah memperlihatkan perkembangan bahasa, namun diharapkan agar perkembangan ini tidak perlu menjadi punca kepada kepupusan bahasa Melayu Brunei. Malahan, ia sepatutnya menjadi salah satu usaha memperkaya khazanah negara yang satu ini, iaitu bahasa. Kemajuan dan pemodenan negara bukan sepatutnya menyumbang kepada kemerosotan budaya dan bahasa sesebuah negara. Di zaman globalisasi ini, rakyat khususnya perlu sama-sama berganding bahu dalam usaha mempertahankan warisan linguistik Negara Brunei Darussalam. Jangan menjadi bak kata peribahasa Melayu, “bagai kacang lupakan kulit”.

REKOMENDASI

Kajian ini masih ada lopongnya. Kajian-kajian lanjutan perlu dibuat. Sama ada dengan melihat pada kumpulan data-data yang lain dan berbeza seperti data daripada drama tempatan, komik tempatan, wawancara dalam bahasa Melayu Brunei, syair-syair Brunei dan sebagainya. Malahan, kajian-kajian seterusnya juga boleh memfokuskan pada aspek fonologi yang lain misalnya asimilasi, struktur suku kata dan seumpamanya.

Kontribusi Penulis

Penulis Nurul Aqilah Junej: NAJ; merupakan penulis tunggal manuskrip ini. Oleh itu, penulis melakukan semua proses penulisan sendiri, bermula daripada penulisan draft awal, metodologi, pengolahan data, penganalisisan data, penyusunan sumber rujukan, dan sehingga ke penulisan naskah akhir.

Pendanaan

Penyelidikan ini tidak memerlukan dan menerima sembarang pembiayaan.

Percanggahan Kepentingan

Penulis mengakui tidak ada konflik kepentingan dalam kajian ini.

DAFTAR PUSTAKA

- Asmah Haji Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brunei - A Country Profile: diambil pada Februari, 2024, dari <https://www.eyeonasia.gov.sg/asean-countries/know/overview-of-asean-countries/brunei-a-country-profile/>
- Brunei Muara District. (2010). Bandar Seri Begawan: English News Division, Information Department, Prime Minister's Office.
- Clynes, A. dan Deterding, D. (2011). Standard Malay (Brunei). *Journal of the International Phonetic Association*, 41(2), 259-268.
- Collins, J. T. (1984). Dialek Melayu Brunei: Catatan Bibliografi. *Dewan Bahasa. Daup-daup Bapa*. (1985). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Demographics Brunei Darussalam: diambil pada Februari 20, 2024, dari <https://www.worldometers.info/demographics/brunei-darussalam-demographics/>
- Department of Economics Planning and Statistics. (2022). Diambil pada Februari 20, 2024, dari <https://deps.mofe.gov.bn/SitePages/Population.aspx>
- Dr. Mataim Bakar. (2006). *Fonologi Dialek Melayu Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimah Awang Chuchu. (1987). *Dialek Melayu Brunei: Fonologi dan Leksikal. Latihan Ilmiah*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hadijah Haji Hassan. (1991). *Perambahan Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hurul 'Ain Nukhbah Rabaha. (2012). *Perkembangan Bahasa Kanak-Kanak Dari Sudut Fonologi*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Information Department. (n.d.). Diambil pada Februari 20, 2024, dari <https://www.information.gov.bn/SitePages/About%20Brunei%20Darussalam.aspx>

- Instagram: eksklusif.bn. (2023). Diambil pada Februari 16, 2024, dari <https://www.instagram.com/reel/Cw1cmKkBsIA/?igsh=MWppam8zaTlIXXY0Nw==>
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif dalam *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*. Johor Bahru, Malaysia.
- Kamus Bahasa Melayu Brunei. (2007). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kikik Sarbang Merah. (2002). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Learn Everything About - Brunei. (n.d.). Diambil pada Februari 20, 2024, dari <https://www.cia.gov/the-world-factbook/countries/brunei/> Lirik lagu Majal: diambil pada 16 Februari, 2024, dari https://open.spotify.com/_noul_/track/2Pbyp4hWzGILfOe8L7ol7C
- Mahadi Metarsad. (1974). Bahasa Brunei. *Kajian Sarjana Muda*. Universiti nasional, Jakarta.
- Mohd. Yusof Damit. (2006/2007). *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 7(1), 77-88.
- Moody, David C. (1984). Imbuhan-imbuhan dalam Bahasa Melayu Minangkabau. Dalam *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur.
- Nur Fathiha Asyikin Baharin, Rohani Mohd Yusof dan Noor Hasnoor Mohamad Nor. (2021). Perubahan Fonologi dalam Bahasa Duano dan Bahasa Melayu: Phonological Changes of the Duano and Malay Languages. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(2), 112-133. Diambil pada Februari 16, 2024, dari <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/33184>
- Pengiran Mohamed bin Pengiran Damit. (1988). Sintaksis Dialek Melayu Brunei. *Latihan Ilmiah*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Prentice, D. J. dan Hakim Usman. (1978). Kerinci Sound Changes and Phonotactics. Dalam *Second International Conference on Austronesian Linguistics, Proceedings Fascicle I, Western Austronesia, Pacific Linguistics*, (61): 121-163.
- Reports Digital Brunei Darussalam: diambil pada Februari 20, 2024, dari <https://datareportal.com/reports/digital-2022-brunei-darussalam>
- Simanjuntak, M. (1988). "Hubungan Ketidakkonsistenan Morfofonologi Bahasa Melayu dengan Pengajaran Bahasa itu" dlm. Farid M. Onn. (pnyt). *Bunga Rampai Fonologi Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Syamsul Fikri Haji Takung. (2011). *Ayat Tunggal Dalam bahasa Adat Peminangan Dialek Melayu Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- "The new jewel of the capital - Taman Mahkota Jubli Emas". (2017). Diambil pada Februari 20, 2024, dari <https://thescoop.co/2017/10/22/new-jewel-capital-taman-mahkota-jubli-emas/>

LAMPIRAN

LAMPIRAN A: ANALISIS KAJIAN

i. LIRIK LAGU MAJAL

VOKAL	KATA
/ə/	Tekanang, Lemah, Lembut, Penting, Berdua, Peluang, Sekajap

ii. PERAMBAHAN BRUNEI

VOKAL	KATA	PERAMBAHAN BRUNEI
/ə/	Penaling	Ayam penaling
	Ke	Jangan arap pucuk di tengah, ada musim akan ke siring
	Beraban	Beraban-raban
	Berangin	Berangin
	Pencuri	Jaling pencuri
	Kedamparan	Kedamparan
	Menggali, Telaga	Lain orang menggali telaga, lain orang yang minum
/o/	Kota	Be(r)kota-kota
	Kokok	Inda angkat kokok
	Ketolokan	Ketolokan cupak dangan gantang
	Orang	Lain orang menggayung lain orang yang minum
	Be(r)lompok	Macam kain be(r)lompok
	Orang, Be(r)dosa	Macam orang inda be(r)dosa
	Roti	Macam roti empat sat usen
	Orang	Orang sasat
	Otak	Otak be(r)garuhung
	Otak	Otak ambuyat
	RANGKAP VOKAL	KATA
/au/	Taun	Taun anam
/ia/	Biar	Bisar cangkik jangan putus
	Be(r)garaian	Cakap be(r)garaian
	Luaian	Macam luaian karbau
	Separadian	Separadian kuyuk
/ua/	Meruap	Meruap ati
	Puah	Puah ati
	Kuasi	Rambang kuasi
	Karuai	Timbang-timbang karuai
	Be(r)kukuak	Be(r)kukuak di atas bubungan makan di bawah rumah
	Mua	Inda angkat mua
	Suara	Inda angkat suara

	Pengual	Macam pengual baduk
DIFTONG	KATA	PERAMBAHAN BRUNEI
/ai/	Be(r)garaian	Cakap be(r)garaian
	Carai	Carai-carai patungut
	Luaian	Macam luaian karbau
	Malaikat	Macam ditampar malaikat
	Awai	Macam si awai-awai
	Tambarukai	Macam si tambarukai
	Karuai	Timbang-timbang karuai
/au/	Babau	Macam kamudi si babau
	Kuingau	Malas kuingau
	Penyalasmbau	Si penyalambau
	Payau	Tinggi-tinggi payau

iii. NAMA-NAMA KAMPUNG

VOKAL	KATA	NAMA KAMPUNG
/ə/	Perambat	Kampung Perambat
	Membakut	Kampung Mmembakut Pangeran Mohamed
	Pemeriuk	Kampung Pemeriuk
	Menjaling	Kampung Menjaling
	Pemukat	Kampung Pemukat
	Terkoyong	Kampung Terkoyong
	Jeludin	Kampung Jeludin
	Kedayan	Kampung Sungai Kedayan

LAMPIRAN B: LIRIK LAGU MAJAL

Tekanang malam masa tani di taman eco inda mau mulih
 Ku tanya kau kalau ku dapat pigang tangan, kau cakap bulih
 Kan ahir sudah, kalat mata, kan mulih pun payah-payah
 Macam achai aku banar banar kan kau, aku beungkayah
 Apa jua kan kau tapuk?
 Pintu hatimu ku kan masuk
 Sorry kalau ku macam majal
 Aku faham kalau kau sangal
 Apa jua kan kau tapuk?
 Pintu hatimu ku kan masuk
 Sorry kalau ku macam majal
 Aku faham kalau kau sangal

Kau cakap, malas ku ingau
Kau ni, setau gaban, (mun paham bisai)
Dari tutur kata mu atu lemah lembut dah buat aku rasa angau
Makin inda tantu rasa, bila kau pakai gamis sampai ku mangalurau
Yang penting mata tani betamu, tarus ku tau mana
Arah tuju masa dapan tani berdua
Aku baanr banar kan kau saying
So bagi peluang waimapun sekajap
Tekanang malam masa tani di taman eco inda mau mulih
Ku tanya kau kalau ku dapat pigang tangan, kau cakap bulih
Kan ahir sudah, kalat mata, kan mulih pun payah-payah
Macam achai aku banar banar kan kau, aku beungkayah
Apa jua kan kau tapuk?
Pintu hatimu ku kan masuk
Sorry kalau ku macam majal
Aku faham kalau kau sangal
Apa jua kan kau tapuk?
Pintu hatimu ku kan masuk
Sorry kalau ku macam majal
Aku faham kalau kau sangal
Lama dah tani kilala, mun rindu padah jangan malu ucing
Kau ikhlas sayangkan aku, inda pandang nama inda pandang usin
Pi penyamal, minta kana pujuk dari dulu andang kau punya ulah
Macam achai aku aku banar banar kan kau aku beungkayah (HANTAP)
Dari bandar sampai mumong
Aku sanggup tuk kadikau
Bukan pulang kan menganjung
Kau sempurna di mata ku
Apa jua kan kau tapuk?
Pintu hatimu ku kan masuk

Sorry kalau ku macam majal
 Aku faham kalau kau sangal
 Tekanang malam masa tani di taman eco inda mau mulih
 Ku tanya kau kalau ku dapat pigang tangan, kau cakap bulih
 Kan ahir sudah, kalat mata, kan mulih pun payah-payah
 Macam achai aku banar banar kan kau, aku beungkayah
 Apa jua kan kau tapuk?
 Pintu hatimu ku kan masuk
 Sorry kalau ku macam majal
 Aku faham kalau kau sangal
 Apa jua kan kau tapuk?
 Pintu hatimu ku kan masuk
 Sorry kalau ku macam majal
 Aku faham kalau kau sangal

LAMPIRAN C: IKAN O IKAN

O ikan o ikan,
 Datanglah segera,
 Kail kami dah berumpan,
 Jangan lagi pangling mata.

Aying pasang masuk ke asang,
 Aying surut masuk ke perut.

Aying pasang masung ke asang,
 Aying surut masuk ke perut.

Korus

Baritus jungur luncit,

Buntal perut kembang,
Bedukang bau hangit,
Sumpit-sumpit mulut munjung.

Ulang 2 kali

LAMPIRAN D: DAUP-DAUP BAPA

Daup-daup bapa,
Tembayangan bekuku,
Lambat datang bapa,
Jangan diberi susu,

Daup-daup bapa,
Tembayangan bekuku,
Lambat datang bapanya,
Jangan diberi susu,

Susu lemak manis,
Santan kelapa muda,
Anak jangan kau menangis,
Ibumu lagi bekerja,

Susu lemak manis,
Santan kelapa muda,
Anak jangan kau menangis,
Ibumu lagi bekerja.

Ulang 2 kali

LAMPIRAN E: AMBUK DI TUNJANG

Ambuk di tunjang,
Mematah-matah bilah,
Membuka tindulang,
Membaca Bismillah.

Duduk bersila,
Membasuh tangan kanan,
Makan jangan bercerita,
Nanti kamu ketulangan.

Minum aying di tudung periuk,
Petua ubat ketulangan,
Jika mengarik dalam periuk,
Saudara bertandang ingau-ingauan.

Ulang 2 kali

LAMPIRAN F: MANJA-MANJA PIABUNG

Manja-manja piabung,
Sudah besar kena tabung,
Nakal-nakal pelanduk,
Pura-pura mati penuh giuk.

Korus

Piabung ungguh-ungguh,
Linggayung pohon bangkita,
Belajar sungguh-sungguh,
Agar jadi orang berguna.

Manja-manja piabung,
Nakal-nakal pelanduk,
Jangan berbuat bohong,
Nanti kamu kena ketuk.

Ulang 2 kali

LAMPIRAN G: DIAN SEKOTAK

Dian sekotak,
Taruh dalam balai,
Si awang buntak,
Suruh mengalai.

Dian sekotak,
Taruh dalam balai,
Si awang buntak,
Suruh mengalai.

Korus

Berbaju sampang,
Berseluar punting,
Mengalai sumbang,
Terantuk pemantung.

Berbaju sampan,
Berseluar punting,
Mengalai sumbang,
Terantuk pemantung.

LAMPIRAN H: PERAMBAHAN BRUNEI

PERAMBAHAN BRUNEI	MAKSUD PERAMBAHAN
Adi-beradi gimbar kapala	Adik-beradik seibu sebapa
Akal Karamian	Perangai yang tidak senonoh
Akal menampurung	Pemikiran atau perbuatan yang tidak baik dan tidak masuk akal
Amai tangan	Suka menjangkau sesuatu tanpa tujuan
Amas juita	(Kata sanjungan untuk) orang yang sangat dikasihi
Anak akun-akunan	Anak angkat pada nama sahaja kerana mengambil sukut tetapi masih dalam tyanggunguan ibu bapanya yang sebenar.
Anak ampang	Anak luar nikah
Anak antu	Kanak-kanak yang tidak elok perangai dan pakaian
Ayam penaling	Orang yang tidak mahu kalah dalam perkelahian
Aying ditatak indakan putus	Pertalian kekeluargaan tidak akan putus (walau berlaku perbelahan atau pertengkaran)
Aying inda sajakan pasang, ada jua masanya surut	Keadaan hidup tidak tetap, adakalanya senang dan adakalanya susah
Aying liur bangas	Sesuatu yang sudah lama (biasanya ilmu pengetahuan)
Balas ati	Merajuk
Be(r)kota-kota	Berjaga-jaga atau bersedia-sedia
Ber(r)kukuak di atas bubungan makan di bawah rumah	Berlagak sombong (tetapi rendah martabat)
Ber(r)tolak be(r)ambit	Bertolak ansur
Beraban-raban	Beramai-ramai
Berabis ati	Bersungguh-sungguh
Berangin	Tidak tetapi pendirian
Biar cangkik jangan putus	Berjimat cermat supaya jangan kehabisan
Biar dandan te(r)burai jangan pariuk pacah	Walau dalam keadaan apa sekalipun rahsia tidak boleh dibocorkan
Biawak punggur	Lelaki yang malas dan enggan berikhtiar
Bini-bini sigau	Perempuan yang suka mengikut kelakuan atau perangai lelaki
Bisai di luar buruk di dalam	Baik pada lahirnya, tetapi hatinya jahat
Buruk siku tambal balang	Memberi (sesuatu kepada seseorang) dan memintanya balik
Cakap be(r)garaian	Cakap sembarangan

Capak Pahang	Makanan ringan harian (dimakan ala kadarnya sahaja)
Carai-carai patungut	Perselisihan di kalangan sanak saudara tidak akan membawa bercerai-berai
Cardik macam buratak nasi	Bercakap tidak berhenti-henti
Dang si mondok	Tikus
Daripada main api baik main tayi	Membuat sesuatu yang dianggap sia-sia lebih baik daripada membuat kejahatan
Datang kain	Dating haid
Dituang ke balatak mulih jua ke tingkur	Mulih jua ke tempat sendiri (setelah gagal mendapatkan pekerjaan atau mata pencarian di tempat orang)
Galak rasa	Terasa malu
Gatal ati	Sangat ingin tahu
Ikat sintak	Sesuatu yang berubah-ubah
Inda angkat kokok	Mengaku kalah
Inda membuang ucap	Tidak bertanggung
Itam meluhum	Agak gelap
Jahat ati	Kasihani
Jangan dulu be(r)bini kalau inda dapat mematah rotan Panjang sejangkal	Melengkapkan diri dengan ilmu sebelum berumahtangga
Jangan jadi tikus mondok	1.Jangan suka menceritakan atau menyebarkan sesuatu perkara kepada orang lain 2.Jangan jadi orang malas
Jangan melangoi saja tunduk-tunduki jua ke bawah	Apabila mendapat kesenangan hendaklah ingat-ingat semasa susah atau asal usul
Jauh mata itam ampir mata putih	1.Mengutamakan orang yang jauh daripada saudara yang dekat 2.Mencari sesuatu hingga jauh sedangkan yang dicari dekat diri sendiri
Juling pencuri	Juling sekali-sekala
Kalang ati	Kurang selera makan minum (kerana terkenangkan seseorang yang dikasihi)
Kambang liur	Jijik (kerana sesuatu)
Kana perabut	Berkeadaan hampir akan mati
Kapir malaun	Orang yang terlalu jahil akan agama
Karak bola	Sangat gemar bermain atau menonton permainan bola
Karak judi	Sangat gemar berjudi
Kedamparan	Mendapat untung (tanpa bersusah payah)
Kedapatan di ujung	Terbukti berbohong

Kedapatan tua	Sudah tua
Kesubukan	Mendapat malu
Ketolokan cupak dangan gantang	Dapat diimbangi (kekuatan, kekayaan dan kehandalan)
Kikik sauk-sauk	Tidak tetap fikiran dan pendirian
Kira angus	Tidak termasuk dalam perkiraan
Kurapak inda dapat dipegang	Kata-kata yang tidak dapat dipercayai
Kurapak inda tambus	Kata-kata penuh kiasan
Lagau-lagau ayam	Ajakan yang tidak bersungguh-sungguh
Lain orang menggali telaga lain orang yang minum	Orang lain yang berusaha tetapi orang lain yang mendapat faedahnya
Lain orang naik pokok, lain orang kengalihan	Orang lain yang berusaha mendapat kejayaan, orang lain pula yang susah hati kerana iri hati
Lamah liat	Lambat menyiapkan sesuatu pekerjaan tetapi hasilnya sempurna
Lantak mati	Sesuatu yang muktamad
Lanyap ruah	Terperanjat
Luan di ati-ati	Malar dikenang-kenang
Luncit dua sepanggalan	Bermuka-muka kepada dua orang yang bermusuhan dengan tujuan menyemarakkan lagi permusuhan
Macam ambuk di tunjang	Suka berangan-angan tanpa usaha
Macam ampang tibadak	Kurang kegunaan (orang)
Macam anak saudagar	Berlagak seperti orang kaya
Macam ayam mematak padi	Cepat dan terburu-buru
Macam badukang ketohoran	Tercungap-cungap kerana Lelah
Macam balatak bubus	1.Tidak dapat menyimpan rahsia 2.Tidak kekal
Macam buaya minta kuwi	Meminta atau menagih berulang-ulang
Macam daun	Boros
Macam ditampar malaikat	Bermasam muka (kerana sesuatu yang kurang disenangi)
Macam dituang disalin	Serupa benar
Macam gigi kapak	Besar dan lebar (gigi)
Macam giuk bulu	Suka mengusik anak dara orang
Macam kaca ramuk	Terlalu manja
Macam kain be(r)lompok	Tidak bermaya
Macam kamudi si babau	Sentiasa menurut kata atau perbuatan orang lain sahaja
Macam langau mengarumuni bangkai	Suka berkumpul di tempat maksiat
Macam luaian karbau	Bersepah dan tidak kemas
Macam minyak dangan aying	Tidak sepakat atau seperundingan
Macam orang nda be(r)dosa	Pandai berpura-pura

Macam penggual baduk	Tidak berupaya melakukan pekerjaan tanpa bantuan orang lain
Macam penurut obor-obor	Sentiasa mengikut perbuatan orang lain
Macam roti ampat sat usen	Kurang bernilai
Macam salai ambuk	Sentiasa tersengih
Macam saluar memarut ayam	Gendut (tentang perut)
Macam si awai-awai	Lalu-lalang tanpa tujuan
Macam si tambarukai	Suka mementingkan diri sendiri (biasanya hidup dengan memencilkan diri)
Macam tampurung anyut	Hidup melarat
Macam tilampung rawai	Hidup merana, sendirian
Macam turus laut	Berdiri-diri tanpa membuat kerja
Macam ucing keguguran anak	Tergopoh-gapah atau tergesa-gesa (kerana sesuatu kesusahan)
Malas kuingau	Tidak peduli langsung
Mandi itik	Mandi bergegas-gegas sehingga badan tidak basah seluruhnya
Masak usulnya	Mengada-ada atau tunjuk lagak
Melangoi kasau	Merasa kecewa, hampa
Memucuk-mucuk	Mendahului
Memutut raziki	Memutuskan mata pencarian
Mengayam utan	Tidak mahu bergaul dan berjumpa orang
Menjuir telinga	Mendengar dengan baik-baik (percakapan)
Merah jua Balanga	Beroleh jua tangkapan (siar, menggalah)
Meruap ati	Menjadi-jadi (perasaan marah)
Naik bungaran	Meningkat remaja
Orang sasat	1.Saudara atau kawan (yang datang ke rumah sewaktu orang di rumah sedang makan) 2.Ahli keluarga sendiri (yang tidak hadir semasa keluarga itu sedang makan)
Otak ambuyat	Lambat berfikir
Otak be(r)garuhung	Tidak cerdas
Otak di kapala tuhut	Tidak menggunakan fikiran dengan betul
Pait liur	Sukar (untuk mendapatkan sesuatu daripada seseorang)
Panjang idung	Mempunyai ilmu batin
Parangai likap	Pencemburu (lelaki)
Pelauk	Mempunyai nafsu berahi yang tinggi
Penyawaan	Pengharapan

Puah ati	Tidak tabah menghadapi dugaan dan cabaran
Rambang-rambang kuasi	Cuba-cuba atau agak-agak sahaja
Sajuk tangan	Senang mendapat rezeki
Sanak nyawa	Sesak fikiran
Seperadian kuyuk	Adik-beradik seibu tetapi berlainan bapa
Si penyalambau	Penyabar
Siang be(r)angan-angan malam ditanggung tikus	Suka berangan-angan tanpa usaha
Surung kurapak	Banyak cakap kurang kerja
Tarik bendera merah	Datang haid
Taun anam	Zaman lampau
Timbang-timbang karuai	Pertolongan yang tidak dapat mengimbangi permintaan
Tinggi-tinggi payau	Tinggi pengajian pada nama sahaja
Tulang duai	Terlalu lemah
Ujan labat di sana sini tatapi inda batak, labih baik ujan sadikit tatapi batak	Pendapatan lumayan tetapi sekali-sekala, lebih baik lagi pendapatan sedikit tetapi malar